

**Karnival Komuniti 1Malaysia Melaka Dapat Sambutan Memberangsangkan
Bernama
Jun 14, 2014**

MELAKA, 14 Jun (Bernama) -- Karnival Komuniti 1Malaysia Negeri Melaka yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron malam tadi di Sungai Udang mendapat sambutan memberangsangkan.

Acara selama dua hari itu disertai pelbagai agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia seperti Jabatan Penerangan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Ia turut disertai pihak swasta seperti Astro dan Telekom Malaysia yang mempromosi produk dan perkhidmatan masing-masing.

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka, Datuk Latiff Tamby Chik berkata karnival seperti itu dapat mengeratkan hubungan antara rakyat di samping dapat menyalurkan maklumat terkini kerajaan kepada rakyat.

"Saya berharap lebih banyak program seperti ini diadakan bagi mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang," katanya kepada Bernama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046149>